



ATURAN 10 KAEDAH 1 & ATURAN 62 KAEDAH 6
KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH 2012 – SEKSYEN
145 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

TUN HAMDZAH BIN ISMAIL

v.

KERAJAAN MALAYSIA

[N-04(IM)(NCVC)-379-09/2023]



MAHKAMAH RAYUAN, ISTANA KEHAKIMAN



YA Datuk Hajjah Azizah Haji Nawawi

YA Datuk See Mee Chun

YA Datuk Noorin Badaruddin



21 MEI 2024

Ini adalah rayuan Pembayar Cukai (PC) terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen yang memutuskan bahawa serahan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia adalah teratur melalui Writ dan Pernyataan Tuntutan secara kad AR berdaftar berserta akuan penerimaan “telah dikembalikan” .

PC menghujahkan bahawa serahan Writ dan Pernyataan Tuntutan adalah tidak teratur. Merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Goh Teng Whoo & Anor v Ample Objectives Sn Bhd [2021] 3 MLJ 159* yang mana serahan secara kad AR berdaftar haruslah dibuat terhadap orang yang disaman atau orang yang diberikan kuasa untuk menerima saman bagi pihak PC. Seterusnya PC menghujahkan bahawa ekshibit yang difailkan di dalam Afidavit Penyampaian Kerajaan Malaysia hanyalah satu salinan kad AR Berdaftar di mana nama penerima adalah “Sahirah Saufi” bernombor kad pengenalan 990708-05-8182 dan bukanlah PC. Tambahan pula tiada mana-mana dalam ekshibit tersebut menunjukkan atau membuktikan Writ dan Pernyataan Tuntutan itu dihantar ke alamat PC kerana tiada surat iringan yang menunjukkan alamat Writ tersebut diserahkan.

PC juga menghujahkan amaun yang dirujuk di dalam Pernyataan Tuntutan dan Notis Taksiran adalah berlainan. Tambahan pula Notis-notis taksiran Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dibangkitkan ke atas PC adalah tidak lengkap kerana ianya tidak menunjukkan hartanah mana yang dirujuk/dilupuskan dan tiada indikasi maklumat hartanah dikemukakan bersama Notis-notis taksiran tersebut.

Manakala Kerajaan Malaysia berhujah bahawa penghakiman ingkar kehadiran yang diperolehi terhadap PC adalah teratur dan sah selaras dengan peruntukan undang-undang yang terpakai. Di dalam kes ini, Writ dan Pernyataan Tuntutan telah diserahkan kepada PC melalui serahan kad AR berdaftar ke alamat terakhir PC yang diketahui pada masa berkenaan (*last known address*). Kad AR berdaftar yang terkandung akuan penerimaan telah dikembalikan dan diekshibitkan dalam Afidavit Penyampaian (Writ dan Pernyataan Tuntutan).

Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan PC dengan kos RM5,000.00. Mahkamah Rayuan mendapati kegagalan untuk mengekshibitkan surat iringan bersama kad AR berdaftar jelas menunjukkan bahawa tiada kepastian mengenai sama ada Writ dan Pernyataan Tuntutan tersebut diserahkan atau tidak. Serahan Writ tersebut adalah tidak teratur. Penghakiman Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen diketepikan. Kes diremitkan ke Mahkamah Sesyen.

Nota Editor: Kes dikembalikan ke Mahkamah Sesyen untuk perbicaraan penuh.